

**MODUL INTENSIF UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK
BAHASA MELAYU
MODUL 16**

**Bahagian A
[10 markah]**

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. “_____ kecewakan harapan ibu bapa kamu,” kata Cikgu Razak kepada Sharif.
- A. Sila
 - B. Usah
 - C. Harap
 - D. Tolong

[1 markah]

2. Kee Hin telah _____ tebuhan ketika pulang dari sekolah semalam.
- A. digigit
 - B. dipatuk
 - C. disengat
 - D. dibaham

[1 markah]

Pilih ayat yang betul.

3. A. Hati ibu sedu-sedan apabila mendengar berita yang menyedihkan itu.
 B. Pihak polis sentiasa mengawasi desas-desus kumpulan penjenayah tersebut.
 C. Pak Mat berjalan huru-hara di hadapan wad hospital kerana sangat bimbang.
 D. Puan Zalifah menyuruh Azlin menyikat rambut adiknya yang kusut-masai.

[1 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Encik Jamal ialah usahawan yang berjaya. Beliau mempunyai perniagaan menjual susu segar. Susu tersebut diperoleh daripada ladang ternakan kambingnya dan diproses di kilangnya sendiri. Produk yang dihasilkannya itu sangat laris dan dijual hingga luar negara. Perniagaan beliau sangat maju dan beliau memperoleh keuntungan yang besar.

Sebelum berjaya dalam perniagaan, Encik Jamal pernah mengharungi kehidupan yang sukar. Beliau pernah bekerja sebagai buruh di kilang kelapa sawit. Beliau juga pernah berniaga di pasar malam dan menternak kambing secara kecil-kecilan. Walau bagaimanapun, kesusahan itu tidak mematahkan semangatnya untuk berjaya.

4. Apakah produk yang dijual oleh Encik Jamal?
- A. susu lembu
 - B. susu kambing
 - C. daging lembu
 - D. daging kambing

[1 markah]

5. Mengapakah perniagaan Encik Jamal memperoleh keuntungan yang besar?
- A. Beliau usahawan yang berjaya.
 - B. Susu segarnya dihasilkan di kilang.
 - C. Susu segar yang dijualnya sangat laris.
 - D. Beliau mempunyai ladang ternakan kambing.


[1 markah]

6. Yang berikut ialah pekerjaan yang pernah dilakukan oleh Encik Jamal berdasarkan petikan *kecuali*.
- A. buruh
 - B. penternak kambing
 - C. peniaga pasar malam
 - D. penanam kelapa sawit

[1 markah]

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1



BAHAN 2

Azman ialah anak tunggal Puan Faridah. Umurnya 8 tahun. Pada suatu petang, Puan Faridah menemani Azman bermain di taman permainan.

Di taman permainan itu, Azman berjumpa dengan kawan-kawannya. Semasa bermain, Azman bertutur dengan menggunakan bahasa yang kasar. Puan Faridah segera menegur perbuatan anaknya itu. Beliau menasihati Azman supaya bertutur dengan sopan. Walaupun Azman masih kecil, beliau tetap mementingkan budi bahasa kerana melentur buluh biarlah daripada rebungunya.

7. Walaupun Azman masih kecil, beliau tetap mementing budi bahasa kerana melentur buluh biarlah daripada rebungunya.

Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris dalam ayat di atas ialah

- A. bilah
- B. gugus
- C. pucuk
- D. rumpun

[1 markah]

8. Mengapakah Azman ditegur oleh ibunya?
- A. Azman bermain dengan kawan-kawannya.
 - B. Azman berjumpa dengan kawan-kawannya.
 - C. Azman bertutur dengan ibunya secara kasar.
 - D. Azman bercakap kasar dengan kawan-kawannya.

[1 markah]

9. Perkataan *bertutur* yang terdapat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan...
- A. bergaul
 - B. bermain
 - C. bercakap
 - D. berjumpa

[1 markah]

10. Pilih pernyataan yang benar tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.
- A. Azman ialah anak sulung Puan Faridah.
 - B. Azman bermain dengan kawan-kawannya di padang.
 - C. Puan Faridah menegur sikap kawan-kawan Azman.
 - D. Puan Faridah mendidik anaknya supaya berbudi bahasa.

[1 markah]

Bahagian B

[10 markah]

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Zaid berjalan menuju ke bilik guru. Dia mahu menghantar borang keahlian Kelab Doktor Muda kepada Cikgu Jamilah. Semasa dalam perjalanan ke sana, dia bertemu dengan rakan sekelasnya, Chan Meng. Dia pun mengajak Chan Meng mengikutnya menghantar borang itu.

"Kamu mahu menyertai kelab apa, Zaid?" tanya Chan Meng.

"Saya mahu menyertai Kelab Doktor Muda, Chan Meng," Zaid menjawab pertanyaan rakannya itu. Dia membuat keputusan tersebut kerana amat meminati bidang perubatan.

1. Zaid terserempak dengan Chan Meng semasa dia mahu pergi ke _____. [1 markah]

(b) Mengapakah Zaid mahu menyertai Kelab Doktor Muda?

- A. Dia sangat bijak dan rajin.
- B. Dia dipujuk oleh Chan Meng.
- C. Dia meminati bidang perubatan.
- D. Dia disuruh oleh Cikgu Jamilah.

[2 markah]

(c) Bulatkan kata tanya yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

"Kamu mahu menyertai kelab apa, Zaid?" tanya Chan Meng.

[1 markah]

(d) Pilih dan tulis **BETUL** bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

"Saya mahu menyertai Kelab Doktor Muda, Chan Meng," Zaid menjawab pertanyaan rakannya itu.

Zaid memberitahu Chan Meng bahawa rakannya itu mahu menyertai Kelab Doktor Muda.	
Zaid menjawab pertanyaan Chan Meng dengan menyatakan bahawa dia mahu menyertai Kelab Doktor Muda.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

2.

Kamu sedang membantu ibu kamu membersihkan halaman rumah. Tiba-tiba, kamu ternampak adik kamu membuang kotak minuman di dalam longkang.

Apakah tindakan kamu?

- ☐ Saya akan membiarkan sahaja tindakannya kerana adik saya masih kecil.
- ☐ Saya akan menegur sikapnya kerana perbuatan itu akan menyebabkan longkang tersumbat. Saya juga akan menasihatinya supaya menjaga kebersihan kawasan rumah.

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan aktiviti penjagaan alam sekitar.

Tulis pendapat kamu tentang cara-cara menjaga alam sekitar.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Panduan:

- alam sekitar perlu dijaga agar bebas daripada pencemaran
- untuk menjaga alam sekitar – menanam pokok agar persekitaran kita menjadi indah dan nyaman
- membuang sampah ke dalam tong sampah
- mengitar semula barangan terpakai seperti botol, tin minuman dan kertas – mengurangkan pembuangan sampah sarap.

[10 markah]